

PERTANDINGAN MENCIPTA TEMA SEMPENA KEPENGERUSIAN ASEAN 2015

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. Terbuka kepada semua penjawat awam dan warganegara Malaysia.
2. Spesifikasi penciptaan tema:
 - i. Ciptaan hendaklah asli, menarik, mudah dipersembahkan.
 - ii. Berasaskan kepada fokus kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2015 iaitu memberi tumpuan kepada pembentukan ASEAN yang benar-benar berpaksikan rakyat (*a truly people-centred ASEAN*).
 - iii. Tidak melebihi enam patah perkataan.
 - iv. Perkataan-perkataan yang digunakan hendaklah mengambilkira sensitiviti budaya negara-negara anggota ASEAN.
 - v. Mencipta tema dalam Bahasa Inggeris dan diterjemahkan ke Bahasa Malaysia.
 - vi. Penterjemahan hendaklah membawa maksud yang sama dalam kedua-dua Bahasa.
 - vii. Memberi penerangan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris mengenai perkataan yang dipilih dan maksud tema tersebut dalam lingkungan 80 – 100 perkataan.

PENGADILAN

1. Setiap penyertaan akan dinilai dari aspek keaslian, konsep dan penerangan oleh Jawatankuasa Pemilihan, Kementerian Luar Negeri.
2. Keputusan juri adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
3. Setiap penyertaan akan menjadi hak milik Kementerian Luar Negeri.
4. Penyertaan yang dipilih sebagai Tema Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia Tahun 2015 akan menjadi hak milik Kementerian Luar Negeri. Kementerian Luar Negeri berhak untuk mengubahsuai dan menggunakannya dalam sebarang bentuk di dalam dan luar negara.
5. Kementerian Luar Negeri juga mempunyai hak untuk memberi kebenaran kepada mana-mana pihak untuk menggunakan Tema Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia Tahun 2015 di dalam dan luar negara.
6. Pemenang pertandingan akan diumumkan melalui telefon dan email.

HADIAH

1. Hanya pemenang-pemenang tempat Pertama, Kedua dan Ketiga akan diumumkan.
2. Pemenang-pemenang akan menerima hadiah wang tunai bernilai:

Tempat Pertama:	RM5,000, Trofi dan Sijil Penghargaan
Tempat Kedua:	RM3,000, Trofi dan Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga:	RM1,000, Trofi dan Sijil Penghargaan